

PEDOMAN EJAAN JAWI Bersama Abdul Jalil Haji Anuar



Diftong : Perbezaan Ejaan Jawi Kini dan Ejaan Za'ba

(Bahagian Tiga)
Diftong [au] alif-wau (او) di Tengah Kata

Diftong [au] pada posisi tengah kata dilambangkan sebagai alif-wau (او). Antara kata yang mengandungi diftong [au] pada posisi tengah kata adalah seperti yang berikut:

Ejaan Rumi	Daftar Ejaan Melayu 1949	Daftar Ejaan Rumi - Jawi 1988	Daftar Ejaan Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) 2004
baucar (voucher)	bochar (96) بوچار	باوچار (14)	باوچار (243)
fauna	-	فاونا (44)	فاونا (477)
saudagar	سوداگر (357)	ساوداگر (155)	ساوداگر (1225)
saudara	سودارا (357)	ساودارا (155)	ساودارا (1225)
tauge	togeh /taugeh توكيه/تاوگيه (158)	تاوگيه (178)	تاوگيه (1423)
tauhu	تاوهو (تاھو) (121)	تاوهو (178)	تاوهو (1423)

*() Nombor halaman data

Berdasarkan data di atas dapat dilihat bahawa dalam *Daftar Ejaan Melayu* 1949, diftong [au] pada posisi tengah kata dieja dengan menggunakan huruf wau (و) kecuali pada kata tauhu, diftong [au] pada kata tersebut dieja dengan menggunakan alif-hamzah-wau (اھو). Pada *Daftar Ejaan Rumi-Jawi* 1988, diftong [au] dieja dengan menggunakan alif-wau (او) kecuali pada kata taughe, diftong [au] dieja dengan menggunakan alif-hamzah-wau (اھو). Dalam *Daftar Ejaan Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi)* 2004, kesemua diftong [au] pada posisi tengah kata dieja dengan menggunakan alif-wau (او). Jadi diftong [au] di tengah kata dieja dengan menggunakan gabungan alif-wau (او).

Bagi kata serapan Arab yang mengandungi diftong [au], ia dieja mengikut ejaan asal dalam bahasa Arab. Antaranya adalah seperti yang berikut:

Ejaan Rumi	Daftar Ejaan Melayu 1949	Daftar Ejaan Rumi - Jawi 1988	Daftar Ejaan Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) 2004
taubat	tobat (tau) توبۃ (151)	توبت (178)	توبت (1422)
taufik	توفيق (156)	توفيق (178)	توفيق (1423)
tauliah	توليه (159)	تاويليه (178)	تاويليه (1423)

PEDOMAN BAHASA Bersama Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim



Penggunaan Kata Hubung Berpasangan dan Perkataan "justeru"

Banyak juga para pembaca yang bertanya mengenai penggunaan kata hubung berpasangan dan perkataan "justeru". Oleh itu, elok juga digunakan ruangan ini untuk memberikan sedikit penjelasan.

Kata hubung berpasangan ialah kata hubung yang hadir dalam ayat majmuk gabungan yang terdiri daripada sepasang perkataan. Satu kata hubung hadir di bahagian hadapan ayat, yakni dalam ayat pertama, manakala yang kedua hadir kemudian dalam ayat kedua. Contohnya ialah pasangan "lebih baik...daripada" dalam ayat "Lebih baik mereka pergi dengan bas daripada memandu kereta sendiri." Lazimnya makna yang dibawa membawa maksud yang bertentangan. Contoh ayat kedua ialah "Daripada kita makan

gaji, lebih baik bekerja sendiri."

Seterusnya ialah pasangan "sama ada ... atau", seperti dalam ayat "Sama ada berita itu benar atau tidak belum pasti," dan "Dia belum menyatakan sama ada akan meneruskan perjalanan atau bermalam di sini."

Contoh kata hubung pasangan yang ketiga ialah "adakah/apakah ... atau (pun)", seperti dalam ayat ini: "Adakah berita ini benar atau (pun) khabar angin semata-mata?"

Kesimpulannya, kata hubung berpasangan ini ialah kata hubung dalam ayat majmuk gabungan. Fungsinya menggabungkan dua ayat yang setara sifatnya, dan maksud yang dibawa lazimnya berbertentangan.

Ada juga ayat yang digabungkan dengan kata hubung seperti "walaupun", "meskipun", "andai kata", dan seumpama itu. Sebenarnya kata-kata hubung ini hadir dalam ayat pancangan keterangan dan lazimnya tidak berpasangan. Kata hubung jenis ini juga membawa maksud pertentangan. Contohnya, "Dia masih mahu pergi walaupun hari sudah lewat," dan "Meskipun badannya letih, Ali tetap hadir

di majlis itu."

Dengan kata lain, kata hubung seperti "walaupun, meskipun" dan "andai kata" tidak sama kategorinya dengan kata hubung berpasangan yang dibincangkan di atas. Yang pertama ialah kata hubung keterangan, manakala yang kedua ialah kata hubung gabungan.

Tentang "justeru" pula, perkataan ini dipinjam daripada bahasa Indonesia. Kadang-kadang kita di Malaysia menggunakannya mengikut resam kita dan tidak seperti yang digunakan dalam bahasa itu.

"Justeru" membawa dua makna. Pertama, "justeru" bermakna kebetulan, tepat, kena benar. Contoh dalam ayat, seperti yang diberikan oleh *Kamus Dewan* ialah: Kenapa justeru sekarang ini engkau harus pergi?"

Makna kedua ialah malahan, bahkan. Contoh dalam ayat: "Sekali-kali tidak pernah saya mencaci dia, justeru saya puji dia."

Di Malaysia kadang-kadang orang menggunakan "justeru" yang membawa makna seperti "oleh itu", misalnya dalam ayat berikut: "Saya tidak bersetuju dengan pandangannya. Justeru, saya tidak menyokong cadangan itu." Di sini "justeru" telah disamakan dengan ungkapan "oleh itu", dan diberikan koma selepasnya. Ini tidak sama dengan dua makna yang diuraikan di atas.

GLOSARI PASARAN MODAL

Notis serahan (Delivery notice)

Pemberitahuan secara bertulis yang dibuat oleh penjual kepada pembeli kontrak niaga hadapan mengenai tarikh, tempat penyerahan dan kualiti tertentu.

Pengurangan nilai (Devaluation)

Penurunan nilai mata wang oleh pihak berkuasa ke tahap yang lebih rendah.

Pasaran kewangan

(Financial market)

Pasaran yang mengendalikan jual beli aset-aset kewangan sama ada dalam jangka pendek atau jangka panjang.

Tahun fiskal (Fiscal year)

Tempoh 12 bulan yang digunakan oleh syarikat atau kerajaan untuk tujuan laporan kewangan tahunan yang sah.

Saham asing (Foreign stocks)

Saham yang diterbitkan oleh syarikat yang berdaftar di negara selain negara pemastautin.

Aliran tunai bebas (Free cash flow)

Aliran tunai yang melebihi daripada yang diperlukan untuk mengekalkan operasi pengeluaran semasa.

Kontrak niaga hadapan

(Futures contract)

Kontrak yang seragam didagangkan di bursa membeli atau menjual sesuatu aset pada masa akan datang yang harga dan tarikhnya ditentukan pada masa sekarang.

Bon emas (Gold bond)

Bon yang biasanya diterbitkan oleh syarikat perlombongan emas. Bayaran faedah bon ini disandarkan kepada harga emas.

Oleh Azizul Ismail

KOSA KATA BAHARU UMUM

Luring - Lubang konkrit bertutup di jalan untuk membolehkan pekerja memeriksa, membaiki atau menyelenggarakan pembetung dan saliran.

Melingas - Memandang ke sana sini dengan pantas seolah-olah sedang mencari-cari sesuatu.

Pramasa - Sebelum tiba masanya yang dijangkakan atau yang sebenar (berkenaan sesuatu kejadian, peristiwa dsb): kelahiran pramasa; kematian pramasa.

Saute (sauté) - 1. kaedah memasak dengan menggoreng makanan dengan cepat dalam minyak atau lemak panas yang sedikit di atas api bersuhu tinggi 2. yang digoreng dengan cepat dalam minyak atau lemak panas yang sedikit di atas api bersuhu tinggi: kentang saute.

Siluet (silhouette) - imej atau gambar seseorang atau sesuatu dalam bentuk bayang.

Subsonik (subsonic) - berupaya bergerak dengan kelajuan yang lebih rendah daripada kelajuan bunyi: jet subsonik.

Oleh Zaiton Nasir

BAHASA SUKUAN

Gurapan

Gurapan ialah kosa kata bahasa suku kaum Sungai dan Bisaya yang bermaksud makanan pencuci mulut, atau dessert dalam bahasa Inggeris. Kata gurapan diucap dalam tiga suku kata: gu-ra-pan. Contoh penggunaannya adalah seperti dalam ayat berikut: Buah-buahan sesuai dijadikan gurapan selepas makan.

Oleh Noorzanani Kata

KATA KLASIK

Jurubatu

Takrif: anas buah perahu yang tugasnya mengukur dalamnya laut. Contoh ayat: Setelah sudah, sauh pun dibongkar oleh jurubatu lalu belayarlah kapal itu.

Oleh Wahyunah Abd. Gani